

**Jenis Akhbar** : Sinar Harian  
**Tarikh** : 29/03/2020  
**Edisi / Muka Surat** : Nasional / 8  
**Tajuk** : Bank rakyat umum dividen 14 peratus

## Bank rakyat umum dividen 14 peratus

**KUALA LUMPUR** - Bank Rakyat semalam mengumumkan dividen 14 peratus bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019 berbanding 13 peratus pada tahun sebelumnya.

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, ia akan melibatkan jumlah bayaran sebanyak RM406 juta kepada semua anggotanya berjumlah 842,847 untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019.

Pembayaran dividen itu akan dibuat pada 29 Mac 2020.

Beliau berkata daripada jumlah itu, sebanyak RM382 juta melibatkan pembayaran kepada 840,590 anggota individu, manakala RM24 juta akan dibayar kepada 2,257 anggota koperasi berjumlah RM24 juta.

"Bank Rakyat prihatin terhadap keperluan anggotanya yang mana 30 peratus penerima individu terdiri daripada golongan B40, manakala 20 peratus penerima anggota koperasi turut terdiri daripada golongan B40," katanya yang mengumumkan dividen Bank Rakyat di sini semalam.

Wan Junaidi berharap pembayaran dividen tersebut dapat membantu meringankan beban kewangan kepada anggaran 5.1 juta rakyat Malaysia (berdasarkan empat orang seisi keluarga) pada saat negara dilanda penularan pandemik Covid-19 yang turut menjejaskan pendapatan serta ekonomi negara.

"Saya mengucapkan tahniah kepada Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Pengurusan serta seluruh warga kerja Bank Rakyat kerana telah berjaya merekodkan kejayaan yang memberangsangkan sekali lagi," katanya. - *Bernama*